



مجلس اسلام دین و مذهب ملايو ترينجانو  
MAIDAM  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

Institusi Baitulmal  
DINAMIK dan PROGRESIF



# PELAN STRATEGIK MAIDAM 2023-2027

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM)

[www.maidam.gov.my](http://www.maidam.gov.my)





# PELAN STRATEGIK MAIDAM 2023-2027

INSTITUSI BAITULMAL  
DINAMIK DAN PROGRESIF



## Kandungan

PERUTUSAN YANG DIPERTUA	02
PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	03
SINGKATAN	04
PENDAHULUAN	
Ringkasan Eksekutif	06
Latar Belakang MAIDAM	07
Carta Organisasi	08
Punca Kuasa	09
SENARIO PERSEKITARAN	
Pihak Berkepentingan	10
Pelanggan	10
Rakan Strategik	11
Isu dan Cabaran Berdasarkan Analisis Persekitaran	11
HALA TUJU STRATEGIK	
Visi	12
Misi	12
Nilai Bersama	12
STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN	
Teras Strategik	14
Pelan Tindakan dan Strategi	14
IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN	
Mekanisme Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian	28
Elemen Penentu Kejayaan	29
Melangkah ke Hadapan	32

# PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAIDAM



ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI  
WABARAKATUH.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah  
lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia dan keizinanNya, Pelan Strategik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) 2023 - 2027 dapat dihasilkan dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menyumbangkan tenaga dan idea dalam penghasilan dan penerbitan pelan yang akan menjadi panduan gerak kerja dan perkhidmatan MAIDAM untuk tempoh lima (5) tahun ini.

Sebuah institusi yang dinamik sentiasa memerlukan penambahbaikan demi terus bergerak maju dan memenuhi keperluan pelanggan dan pihak berkepentingan.

“ Selaras dengan keperluan semasa dan dasar yang berkuat kuasa, pelan strategik yang dibangunkan ini mampu meningkatkan penyampaian perkhidmatan MAIDAM dan seterusnya menjadikan MAIDAM sebagai institusi baitulmal yang dinamik dan progresif.

Akhir kata, besarlah harapan saya agar seluruh warga MAIDAM dapat menghayati sepenuhnya hala tuju Pelan Strategik MAIDAM 2023 - 2027 dan bersama-sama memastikan setiap program dapat dilaksanakan sebagaimana yang telah dirancang.

Semoga setiap usaha yang dijalankan mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

**DATO' HAJI SHAIKH HARUN BIN SHAIKH ISMAIL**  
Yang Dipertua MAIDAM

# PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI  
WABARAKATUH.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah  
lagi Maha Penyayang.

Setinggi-tinggi syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT di atas limpahan rahmat-Nya, MAIDAM berjaya menghasilkan dan menerbitkan buku Pelan Strategik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) 2023 - 2027.

Selari dengan visi “Institusi baitulmal dinamik dan progresif”, aspek pengurusan zakat, pembangunan harta dan projek wakaf dan baitulmal serta pemantapan tadbir urus Majlis menjadi fokus utama dalam pelan strategik ini.

“ Melalui penyediaan pelan strategik ini, kita perlu sentiasa memantau pelaksanaan program dan aktiviti yang telah ditetapkan untuk mencapai sasaran. Justeru, Pelan Strategik MAIDAM 2023 - 2027 ini akan menjadi wadah dan manifestasi oleh seluruh warga MAIDAM terhadap kebersediaan memberikan komitmen penuh dan menggalas tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Akhir kata, saya menyeru seluruh warga kerja MAIDAM untuk bersama-sama menghayati setiap intipati yang terkandung dalam pelan ini agar misi “melestarikan pengurusan baitulmal melalui penyampaian perkhidmatan yang menepati syarak, amanah dan berprestasi tinggi ke arah kesejahteraan masyarakat Islam di Terengganu” dapat dicapai, sekali gus menobatkan MAIDAM sebagai institusi baitulmal yang dinamik dan progresif.

Sekian, terima kasih.

**PROF. MADYA DR. AHMAD AZRIN BIN ADNAN**  
Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM

# SINGKATAN

<b>BKP</b>	Bahagian Khidmat Pengurusan
<b>BPHDP</b>	Bahagian Pembangunan Harta dan Projek
<b>BPM</b>	Bahagian Pengurusan Mal
<b>BPZ</b>	Bahagian Pengurusan Zakat
<b>IPTA</b>	Institut Pengajian Tinggi Awam
<b>IPTS</b>	Institut Pengajian Tinggi Swasta
<b>JHEAT</b>	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu
<b>JKSN</b>	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri
<b>JMNT</b>	Jabatan Mufti Negeri Terengganu
<b>KPE</b>	Ketua Pegawai Eksekutif
<b>PMD</b>	Pejabat MAIDAM Daerah
<b>PSUKT</b>	Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu
<b>SAZ</b>	Seksyen Agihan Zakat

<b>SK</b>	Seksyen Kewangan
<b>SP</b>	Seksyen Promosi
<b>SPH</b>	Seksyen Pengurusan Harta
<b>SPK</b>	Seksyen Perhubungan Korporat
<b>SPPZ</b>	Seksyen Pungutan dan Pentadbiran Zakat
<b>SPSM</b>	Seksyen Pembangunan Sumber Manusia
<b>SPUU</b>	Seksyen Pentadbiran dan Undang-undang
<b>ST</b>	Seksyen Teknikal
<b>STM</b>	Seksyen Teknologi Maklumat
<b>SWSA</b>	Seksyen Wakaf dan Sumber Am
<b>UAD</b>	Unit Audit Dalam
<b>YDP</b>	Yang Dipertua

## PENDAHULUAN

Ringkasan Eksekutif

Latar Belakang MAIDAM

Carta Organisasi

Punca Kuasa

# RINGKASAN EKSEKUTIF



PELAN STRATEGIK MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM)  
2023 - 2027 MERUPAKAN RUJUKAN UTAMA DAN PANDUAN KEPADA SETIAP BAHAGIAN DALAM MERANCANG STRATEGIK DAN PROGRAM SECARA SISTEMATIK DAN BEROBJEKTIF. DOKUMEN INI JUGA MEMUSATKAN SEGALA KOMITMEN DAN FOKUS SELURUH WARGA MAIDAM BAGI MEMASTIKAN VISI DAN MISI ORGANISASI TERCAPAI.

Pembangunan Pelan Strategik ini selari dengan perubahan semasa dasar kerajaan dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa.

Pelan Strategik ini mengandungi tiga (3) teras strategik yang meliputi perkara-perkara berkaitan tadbir urus, kewangan, pembangunan dan kesejahteraan masyarakat Islam di Terengganu.

Menyedari kepentingan pengurusan zakat yang cemerlang, MAIDAM mengambil pendekatan untuk melestarikan kesejahteraan ummah melalui teras strategik pertama, iaitu memperkasakan pengurusan zakat bagi meningkatkan sosioekonomi ummah. Teras strategik ini merangkumi aspek pungutan dan agihan zakat.

Dalam usaha membangunkan harta umat Islam, MAIDAM memperkenalkan teras strategik kedua, iaitu memperkuuh pengurusan pembangunan harta dan projek. Teras strategik ini merangkumi pengurusan dan pembangunan projek serta peningkatan hasil daripada harta wakaf, baitulmal dan Majlis.

Teras strategik ketiga, iaitu meningkatkan keberkesanan organisasi melalui penguatkuasaan undang-undang, pengukuhan tadbir urus dan komunikasi strategik. Teras strategik ini bertujuan meningkatkan dan memperkuuh tadbir urus dalam semua aspek pengurusan agar MAIDAM kekal relevan sebagai institusi pengurusan mal di Terengganu.

Pelaksanaan pelan strategik ini dipantau secara berkala melalui mekanisme yang telah ditetapkan. Dalam tempoh pelaksanaan tersebut, penilaian dan kajian semula akan dibuat bagi memastikan strategi, program dan tahap pencapaian sasaran lebih berkesan seterusnya mencapai hasil yang digariskan.

## LATAR BELAKANG MAIDAM



1949

PENUBUHAN MAIDAM DENGAN NAMA ASALNYA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU SETELAH UNDANG-UNDANG BIL. 1 TAHUN 1949 DIWARTAKAN PADA 16 FEBRUARI.

Warta tersebut menyatakan bahawa Yang Maha Mulia Sultan akan menyebabkan supaya dibuat undang-undang bagi maksud mengatur segala perkara-perkara agama dan bagi mendirikan satu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu kerana membantu dan menasihatkan Duli Yang Maha Mulia dalam semua perkara yang bersangkut dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu.

Undang-undang tersebut dinamakan Undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu 1949 (1368).

Keahlian Majlis adalah tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli rasmi yang memegang jawatan yang bergaji di bawah Kerajaan Negeri dan tidak kurang daripada lima (5) orang ahli bukan rasmi.



1958

Termaktubnya Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Tahun 1955 (1375) yang telah menghapuskan perkataan "Istiadat" menjadikan nama baharu organisasi ini Majlis Agama Islam dan Adat Melayu.

Pada ketika ini, Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis.

1987

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 pada 26 Mac 1987 diwartakan. Enakmen ini memperuntukkan seorang Setiausaha dilantik bagi Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT).

1992

Pindaan enakmen telah menukar lantikan Setiausaha bagi JHEAT kepada lantikan Setiausaha bagi Majlis.

1996

Pindaan enakmen diluluskan pada 10 April 1996 bagi membolehkan YAB Menteri Besar menjadi Yang Dipertua Majlis dan secara automatik Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama sebagai Setiausaha Majlis.

1998

Pindaan sekali lagi dibuat pada 30 Jun 1998 melibatkan Setiausaha Majlis yang juga bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif yang akan menjalankan segala dasar dan ketetapan Majlis. Semua perkataan "Jabatan" dan "Pesuruhjaya" dalam enakmen ditukar kepada Majlis.


2002  
2012

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1442H/2001M telah diluluskan pada 22 November 2001 dan berkuatkuasa pada 1 Ogos 2002. Pindaan-pindaan telah dibuat pada tahun 2003 dan 2008 yang melibatkan pelantikan Yang Dipertua Majlis bukan Menteri besar dan keanggotaan Majlis yang lain.

Kerajaan Negeri, melalui Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada 25 April 2012 telah meluluskan pindaan 20 seksyen dalam Enakmen ini. Antara pindaan tersebut ialah Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama akan menjadi Setiausaha dan Ketua Pegawai Eksekutif kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.

2018

Pindaan pada tahun 2018 telah menetapkan bahawa Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama tidak lagi menjalankan tugas sebagai Setiausaha Majlis malah merupakan salah seorang anggota Majlis itu sendiri. Satu lagi keanggotaan Majlis telah bertukar daripada Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah kepada Ketua Pendakwa Syarie.



- |           |   |
|-----------|---|
| <b>01</b> | Perlembagaan Persekutuan  |
| <b>02</b> | Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001 (Pindaan 2012)                              |
| <b>03</b> | Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam 2015   |
| <b>04</b> | Pekeliling Perbendaharaan   |
| <b>05</b> | Perintah-perintah Am dan Arahan Pentadbiran 2016  |
| <b>06</b> | Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Terengganu) 2015   |
| <b>07</b> | Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016   |
| <b>08</b> | Tatacara Pengurusan Kewangan  |
| <b>09</b> | Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama bukan Islam (Pindaan 2013)                                     |
| <b>10</b> | Kaedah-kaedah Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Prosedur Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu) 1991 |
| <b>11</b> | Kaedah-kaedah Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Peraturan-peraturan Tanah Perkuburan Islam) 1992             |
| <b>12</b> | Peraturan-peraturan Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Jawatankuasa Masjid) 2004                              |
| <b>13</b> | Kaedah-kaedah Pendaftaran dan Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1988                                     |
| <b>14</b> | Peraturan-peraturan Tatatertib Pegawai Masjid 2015  |
| <b>15</b> | Arahan Perbendaharaan   |
| <b>16</b> | Akta Acara Kewangan 1957  |
| <b>17</b> | Akta badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980  |

# SENARIO PERSEKITARAN



## PIHAK BERKEPENTINGAN

01	KDYMM SULTAN TERENGGANU
02	JEMAAH PANGKUAN DIRAJA
03	YAB MENTERI BESAR
04	MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI TERENGGANU
05	YANG DIPERTUA MAIDAM
06	AHLI MESYUARAT MAIDAM
07	SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU
08	JABATAN/AGENSI NEGERI
09	JABATAN/AGENSI PERSEKUTUAN

## PELANGGAN

01	AGENSI KERAJAAN
02	BADAN BUKAN KERAJAAN
03	PUSAT LATIHAN DAN KEMAHIRAN
04	PENIAGA/ PELABUR
05	AGENSI MENGURUS ZAKAT
06	SEKTOR SWASTA
07	SEKTOR AWAM
08	IPTA/ IPTS
09	MEDIA MASSA



## Isu dan cabaran berdasarkan analisis persekitaran

Isu dan cabaran telah dikenal pasti dalam merealisasikan visi MAIDAM. Analisis persekitaran merupakan suatu pendekatan dalam membangunkan Pelan Strategik MAIDAM. Isu dan cabaran utama yang dikenal pasti adalah sebagaimana yang berikut:

01	KEPERLUAN MENINGKATKAN KESEDARAN BERZAKAT DAN BERWAKAF
02	KEPERLUAN MEMBEBAKAN ASNAP DARI PADA CENGKAMAN KEMISKINAN
03	KEPERLUAN MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN HARTA WAKAF, BAITULMAL DAN MAJLIS
04	KEPERLUAN MEMPERKUKUH PENGURUSAN PENTADBIRAN
05	KEPERLUAN MEMPERKASAKAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Visi

# Institusi Baitulmal **DINAMIK** dan **PROGRESIF**

Misi

MELESTARIKAN PENGURUSAN BAITULMAL MELALUI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG MENEPATI SYARAK, AMANAH DAN BERPRESTASI TINGGI KE ARAH KESEJAHTERAAN MASYARAKAT ISLAM DI TERENGGANU.

Nilai Bersama

- M** Muafakat
- A** Amanah
- I** Integriti
- D** Daya Usaha
- A** Akauntabiliti
- M** Mesra



## STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

Teras Strategik

Pelan Tindakan dan Strategi



# STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN



## STRATEGI 1

### 4 program

MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENTADBIRAN DAN KEBOLEHCAPIAN PEMBAYARAN ZAKAT SECARA SISTEMATIK

BIIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	BIMBINGAN INTENSIF TAKSIRAN ZAKAT	Bilangan kursus Bilangan kakitangan Penggiliran kakitangan di kaunter taksiran Peratus peningkatan kakitangan mahir taksiran zakat	1 kali setahun 30 orang setahun 100% setahun 95%	2023 - 2027	BPZ SPPZ SPSM
2.	PENYEDIAAN DAN SEMAKAN SEMULA GARIS PANDUAN:	a. Taksiran zakat b. Pengurusan amil	Bilangan garis panduan yang disemak Peratus ketepatan taksiran zakat Bilangan garis panduan yang dihasilkan Peratus pengurangan ketidakpatuhan amil	1 garis panduan 100% 1 garis panduan 3 - 5% setiap tahun	BPZ SAZ
3.	KAJIAN HAD KIFAYAH PENGIRAAN ZAKAT PENDAPATAN		Bilangan kajian Peratusan pengiraan zakat pendapatan menepati keperluan semasa	1 kajian 100%	2023 2027 BPZ SAZ
4.	PENINGKATAN PROFESIONALISME AMIL ZAKAT :	a. Taklimat b. Bengkel c. Focus Group	Bilangan taklimat Bilangan bengkel Bilangan focus group Peratus kehadiran amil dalam taklimat, bengkel dan focus group	1 kali setahun 1 kali setahun 1 kali setahun 90%	2023 - 2027 2023 - 2027 2023 - 2027 2023 - 2027

## STRATEGI 2

### 5 program

MEMPERKUKUH PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT UNTUK KELESTARIAN UMMAH

BIIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	PENOLONG AMIL KARIAH	Bilangan Penolong Amil Kariah dilantik	60 orang setahun	2023 - 2027	BPZ / SPPZ
		Peratus penyelesaian permohonan bantuan dalam tempoh ditetapkan	85% setiap tahun	2023 - 2027 SPSM	
2.	SEMAKAN SEMULA GARIS PANDUAN AGIHAN ZAKAT MENGENAI KADAR BANTUAN DAN SKIM BANTUAN	Peratus semakan garis panduan siap	100%	2023	BPZ / SAZ
		Peratus peningkatan agihan bantuan tahunan	15%	2024 – 2027	
3.	PENAMBAHBAIKAN SISTEM AGIHAN	Bilangan penambahbaikan	3 kali	2023 - 2027	BPZ / SAZ / STM
		Peratus kesahihan laporan agihan	100%	2023 - 2027	
4.	INSPEKTORAT TERHADAP PENERIMA BANTUAN MODAL	Bilangan pemantauan menerima bantuan	1 kali selepas menerima bantuan	2023 - 2027	BPZ
		Peratus keluar daripada senarai asnaf	10% setahun	2023 - 2027	
5.	PEMBANGUNAN MODUL LATIHAN ASNAF MELALUI KOLABORASI BERSAMA PIHAK YANG DIKENALPASTI	Bilangan modul latihan	1 modul latihan	2024	BPZ / SPPZ / SAZ
		Bilangan latihan	5 kali setahun	2024 - 2027	
		Bilangan asnaf yang dilatih	200 orang setahun	2024 - 2027	

**STRATEGI 01**  
MEMPERKUKUH PENGURUSAN PROJEK BAGI MENINGKATKAN KEBOLEHAN BEKERJA SECARA SISTEMATIK DAN CEKAP



## STRATEGI 1

### 2 program

MEMPERKUKUH PENGURUSAN PROJEK BAGI MENINGKATKAN KEBOLEHAN BEKERJA SECARA SISTEMATIK DAN CEKAP

BIIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	PENINGKATAN PROFESIONALISME KAKITANGAN :				BPHDP SPSM / ST
	a. Perolehan	Peratus kakitangan mengikuti kursus/bengkel	100%	2023 - 2027	
	b. Kemahiran teknikal	Peratus pengurangan teguran audit	10%	2023 - 2027	
2.	KURSUS PENGURUSAN PROJEK KEPADA KONTRAKTOR	Bilangan kursus	4 kali setahun	2023 - 2027	BPHDP / ST
		Peratus pengurangan kesilapan dalam kerja fizikal oleh kontraktor.	30%	2023 - 2027	

## STRATEGI 2

### 5 program

MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN PROJEK BAGI MANFAAT UMMAH

BIIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	PEMBANGUNAN PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN ZAKAT:				BPZ / BPHDP SAZ / ST
a.	Bina baru rumah asnaf	Bilangan rumah	200 buah	2023 - 2027	
b.	Baik pulih rumah asnaf	Bilangan rumah	150 buah	2023 - 2027	
c.	Bantuan baiki/ sumbangan surau/ masjid	Bilangan surau/masjid	250 buah	2023 - 2027	
d.	Bantuan PA sistem surau/masjid	Bilangan surau/masjid	250 buah	2023 - 2027	
e.	Projek komersial perumahan teres Habib Mohsin	Bilangan projek	1 projek	2023 - 2024	
f.	Bantuan menyiapkan rumah terbengkalai	Bilangan rumah	50 buah	2024 - 2027	
2.	PEMBANGUNAN PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN WAKAF :				BP / BPHDP ST
a.	Projek komersial pembinaan 16 unit chalet Kg Serdang	Bilangan projek Peratus siap	1 projek 100% 2025	2023 - 2025	
b.	Projek ubah suai premis di Kg Cina	Bilangan premis  Peratus peningkatan pendapatan sewa	1 unit  2% setahun	2023  2024 - 2027	
3.	PEMBANGUNAN PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN PENTADBIRAN :				BKP/ BPHDP ST
a.	Projek komersial bangunan baru MAIDAM	Peratus siap	100%	2027	
4.	PEMBANGUNAN PROJEK USAHASAMA :				BPM / BKP BPHDP / ST
a.	Projek komersial perumahan teres 37 unit di Banggol Peradong	Bilangan rumah	37 buah	2023 - 2025	
b.	Projek komersial pembinaan hotel di Kg Pelima	Bilangan hotel  Peratus peningkatan pendapatan MAIDAM	1 buah  2% setahun	2024  2025 - 2027	

BIIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
5.	PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN PREMIS / KEDIAMAN MAIDAM :				BPM / BKP BPHDP / SWSA ST
a.	Wakaf	Peratus premis/ kediamaan yang dibaiki berdasarkan aduan/ keperluan	100%	2023 - 2027	
b.	Pentadbiran	Peratus kepuasan pelanggan/ penyewa	100%	2023 - 2027	
c.	Baitulmal				

## STRATEGI 3

### 2 program

MEMPERKUKUH PENGURUSAN KUTIPAN SEWA KE ARAH PENINGKATAN HASIL

BIIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	PROMOSI PEMASARAN PREMIS MELALUI MEDIA SOSIAL DAN EJEN PEMASARAN	Peratus pengisian premis	90%	2023 - 2027	BPHDP / BKP SPH / SP
2.	CAKNA PENYEWА				BPHDP / SPH
a.	Kutipan hasil sewa berdasarkan anggaran	Peratus kutipan hasil sewa tanah/ premis	70% setahun	2023 - 2027	
b.	Pengurangan tunggakan hasil sewa	Peratus pengurangan tunggakan sewa	10% setahun	2023 - 2027	
c.	Penjadualan semula bayaran tunggakan	Peratus penyelesaian tunggakan sewa	80% setahun	2023 - 2027	

## STRATEGI 4

### 4 program

PENAMBAHBAIKAN KUALITI TADBIR URUS WAKAF DAN SUMBER AM YANG LEBIH EFISIEN

BIIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	PEMBANGUNAN HARTANAH WAKAF (BANGUNAN KOMERSIAL)	Bilangan hartaanah yang dibangunkan	3 pembangunan fizikal	2023 - 2027	BPM / BPHDP SWSA / ST
		Peratus pengurangan tanah wakaf terbiasa	30%	2027	
2.	PENAMBAHBAIKAN SISTEM:			BPM / SWSA / STM	
	a. e-wakaf	Peratus pelaksanaan	90%	2023 - 2027	
	b. geospatial	Peratus peningkatan bilangan laporan tanah wakaf	50% setahun	2023 - 2027	
3.	MEMPERTINGKATKAN SEWAAN TANAH WAKAF SECARA PENGIKLANAN:			BPM / SWSA STM / SP	
	a. Media sosial/ laman web rasmi MAIDAM	Bilangan pengiklanan	10 iklan setahun	2023 - 2027	
	b. Media cetak (papan tanda/ risalah/ bunting)	Peratus peningkatan tanah wakaf yang disewa	30%	2027	
4.	PELUPUSAN TANAH BAITULMAL YANG TIDAK EKONOMIK	Bilangan lot tanah dilupuskan	15 lot setahun	2023 - 2027	BPM / SWSA / SP



## STRATEGI 1

### 3 program

MEMPERKASA ENAKMEN, PERATURAN DAN GARIS PANDUAN SELARAS DENGAN DASAR YANG BERKUATKUASA

BIIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	PEMANTAPAN ENAKMEN, PERATURAN, GARIS PANDUAN DAN TATACARA	Bilangan enakmen dan peraturan yang digubal	4 enakmen/ peraturan (Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam, Enakmen Wasiat Terengganu, Enakmen Hibah Terengganu, Peraturan Pegawai Pegawai MAIDAM)	2023 - 2027 2026 2026 2023	JMNT / PSUKT JKSN / JHEAT BKP / BPM SPUU / SWSA SPSM / SK
		Bilangan pindaan enakmen dan peraturan	2 pindaan (Enakmen Wakaf dan Peraturan-peraturan Amil)	2024	
		Bilangan garis panduan dan tatacara	1 Garis Panduan Pungutan Khairat	2023	
		1 Tatacara Kewangan MAIDAM		2024	

## STRATEGI 1

### 3 program

MEMPERKASA ENAKMEN, PERATURAN DAN GARIS PANDUAN SELARAS DENGAN DASAR YANG BERKUATKUASA

BIIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
2.	PEMAKAIAN DAN PEMATUHAN PIWAIAN PERAKAUNAN ISLAM:				BKP / SK
	Fasa 2 – Pemakaian awal berkaitan asset	Peratus pemakaian	100%	2023	
	Fasa 3 – Pemakaian awal berkaitan hasil, belanja dan liability	Peratus pemakaian	100%	2024	
	Fasa 4 – Pemakaian berkaitan pendedahan luar	Peratus pemakaian	100%	2025 - 2027	
	Pemakaian penuh Piawaian Perakaunan Islam	Peratus penyeragaman laporan di semua MAIN	100%	2023 - 2027	

3.	PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN	Bilangan pelan	1 pelan	2024	BKP / STM
----	------------------------------	----------------	---------	------	-----------

## STRATEGI 2

### 7 program

MEMANTAPKAN TADBIR URUS, MENINGKATKAN KEMAHIRAN DAN TAHP INTEGRITI WARGA KERJA

BIIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	PENYERTAAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)	Bilangan penyertaan	2 kali	2023 - 2027	BKP / SPUU
2.	PROGRAM COACHING DAN MENTORING DI MAIDAM	Bilangan perjumpaan kumpulan kecil	2 kali setahun	2023 - 2027	BKP / SPSM
		Peratus peningkatan kompetensi melalui pengurangan teguran audit	50%	2023 - 2027	
3.	PENARAFAN INTERNATIONAL ORGANIZATION FOR STANDARDIZATION (ISO)	Bilangan penarafan	2 penarafan	2023 - 2027	BKP / SPUU
4.	BACAAN ATAU EDARAN PEKELILING	Bilangan program	6 kali setahun	2023 - 2027	BKP / SPUU
		Bilangan teguran Audit Negara	Kurang daripada 5 teguran setahun	2023 - 2027	
5.	KAJIAN AUDIT/ AUDIT PRESTASI				UAD / BPM BPZ / SWSA SAZ
	a. Wakaf	Bilangan kajian	1 kajian	2023 - 2027	
	b. Bantuan modal	Bilangan kajian	1 kajian	2023 - 2027	
		Peratus kajian selesai	100%	2027	
6.	PEMERIKSAAN KESIHATAN	Bilangan program	1 kali setahun	2023 - 2027	BKP / SPUU
		Peratus penyertaan kakitangan	80%	2027	
7.	PEMANTAUAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)	Bilangan pemantauan	4 kali setahun	2023 - 2026	BKP / SPUU
		Peratus kepatuhan terhadap program	80%	2026	

## STRATEGI 3

### 8 program

MENINGKATKAN KESEDARAN MASYARAKAT MENGENAI PRODUK  
BAITULMAL MELALUI KOLABORASI DAN PENDIGITALAN

BIIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	PEMERKASAAN PROMOSI ZAKAT DAN WAKAF	Bilangan pelan promosi	1 pelan	2023	BPZ / BKZ BPM / SPPZ SWSA / SP PMD
		Peratus peningkatan kutipan hasil zakat	10% setahun	2023 - 2027	
		Jumlah peningkatan kutipan wakaf tunai	5 juta	2027	
2.	STRATEGI PENGEKALAN PEMBAYAR ZAKAT	Bilangan majlis ramah mesra	1 kali setahun	2023 - 2027	BKP / BPZ SPPZ / SPK SP
		Bilangan insentif penajaan kuliah agama	12 insentif penajaan setiap tahun	2023 - 2027	
		Peratus pengekalan pembayar zakat (syarikat)	60% setahun	2023 - 2027	
3.	PENGIKTIRAFAN KEPADA PEMBAYAR ZAKAT PERNIAGAAN	Bilangan pengiktirafan	50 syarikat setahun	2023 - 2027	BKP / BPZ SPPZ / SPK SP
4.	PEMBAHARUAN IMEJ KORPORAT	Bilangan pembaharuan: Kaunter dan papan tanda	9 lokasi	2023 - 2027	
		Pakaian	2 kali	2023 - 2027	

BIIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
5.	PEMBANGUNAN SISTEM KEPUASAN PELANGGAN SECARA DIGITAL	Peratus sistem siap	100%	2024	BKP / SPK STM
		Peratus tahap kepuasan pelanggan	80%	2024 - 2027	
		Peratus pengurangan aduan orang awam	10% setahun	2024 - 2027	
6.	SISTEM PENGURUSAN PEGUAM SYARIE	Peratus sistem siap	100%	2024	BKP / SPUU STM
		Peratus pengurangan tempoh proses pelantikan dan pembaharuan	70%	2024 - 2027	
7.	PENAMBAHBAIKAN APLIKASI SAHABAT MAIDAM	Peratus siap penambahbaikan sistem	100%	2024	BKP / BPZ SAZ / STM SPK
		Peratus ketepatan laporan mengenai asnaf	80% setiap tahun	2024 - 2027	
8.	PEMBANGUNAN SISTEM KUTIPAN AMIL TANPA BUKU RESIT	Bilangan sistem	1 sistem	2023	BKP / BPZ SPPZ / STM
		Peratus pengurangan cetakan buku resit	80%	2023 - 2027	



## IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN

- Mekanisme Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian
- Elemen Penentu Kejayaan
- Melangkah ke Hadapan

## MEKANISME PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN



## ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

## SUMBER MANUSIA

TENAGA KERJA YANG MENCUKUPI MERUPAKAN KEPERLUAN ASAS DALAM SESEBUAH ORGANISASI. TENAGA KERJA YANG KOMPETEN, FLEKSIBEL, BERDEDIKASI DAN BERINTEGRITI MAMPU MENZAHIRKANTUGASAN YANG BERKUALITI. WALAUPUN PADA MASA KINI TEKNOLOGI MERUPAKAN SIGNIFIKAN KEPADA SETIAP GERAK KERJA, NAMUN TENAGA KERJA TETAPI MERUPAKAN TUNJANG UTAMA DAN DIGUNAKAN SECARA OPTIMUM DALAM PELAKSANAAN PERKHIDMATAN. PEMBANGUNAN MODAL INSAN YANG TERBAIK DAN BERKALIBER ADALAH WAJAR DALAM MENJAMIN MAIDAM SEIRING DENGAN KEHENDAK PELANGGAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN.

## KEWANGAN

SUMBER KEWANGAN YANG STABIL DAN KUKUH MERUPAKAN PENYUMBANG UTAMA DALAM MEREALISASIKAN PERANCANGAN PELAN STRATEGIK MAIDAM 2023 - 2027. PENGURUSAN KEWANGAN DAN PERBELANJAAN YANG TERSUSUN DAN BERHEMATHADALAH AMAT PENTING SELAIN BERUSAHA MEMPERKUKUH KUTIPAN HASIL DAN MEMPERLUAS SUMBER HASIL MAIDAM.

## PERKEMBANGAN TEKNOLOGI

TEKNOLOGI MERUPAKAN KOMPONEN UTAMA DALAM PELAKSANAAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG EFEKTIF DAN BERKUALITI SEIRING DENGAN PEREDARAN MASA KINI. PELBAGAI INOVASI PERKHIDMATAN TELAH DILAKUKAN DAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM BUDAYA KERJA DENGAN WUJUDNYA APLIKASI-APLIKASI MESRA PELANGGAN BAGI MEMASTIKAN KEHENDAK PELANGGAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN DAPAT DIPENUHI. PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK MAIDAM 2023 - 2027 TURUT DISOKONG OLEH PELBAGAI SISTEM YANG DIBANGUNKAN DAN SENTIASA DITAMBAH BAIK MENGIKUT KEPERLUAN DALAM MEMASTIKAN PELAKSANAAN TUGASAN MENJADI LEBIH EFISIEN, MUDAH DAN CEPAT.

## DASAR DAN PERUNDANGAN

DASAR DAN PERUNDANGAN ADALAH GARIS PANDUAN YANG PENTING DALAM MENGHASILKAN KERJA YANG CEKAP DAN BERKESAN. SEBUAH ORGANISASI MEMERLUKAN DASAR DAN PERUNDANGAN YANG JELAS DAN PADAT SEBAGAI PANDUAN AGAR PELAKSANAAN SISTEM TADBIR URUS YANG TERHASIL BERKUALITI DAN BERINTEGRITI. MAIDAM SENTIASA MEMPRAKTIKKAN PENGGUNAAN DASAR DAN UNDANG-UNDANG YANG BERKUAT KUASA AGAR PELAKSANAAN PROSEDUR KERJA MENGIKUT PERATURAN SEMASA.

## BUDAYA

SISTEM TADBIR URUS YANG BERKUALITI DAN BERINTEGRITI ADALAH HASIL DARIPADA KEHARMONIAN BUDAYA KERJA DAN SIKAP POSITIF WARGA KERJA. PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN MAIDAM MENITIKBERATKAN KEHENDAK DAN KEPERLUAN WARGA KERJA DENGAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DAN MENINGKATKAN KOMUNIKASI DUA HALA BAGI MEMASTIKAN KEJAYAAN MAIDAM DAPAT DICAPAI SELAIN KEHENDAK PELANGGAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN DIPENUHI.

## SISTEM DAN PROSEDUR KERJA

DASAR DAN PERUNDANGAN ADALAH GARIS PANDUAN YANG PENTING DALAM MENGHASILKAN KERJA YANG CEKAP DAN BERKESAN. SEBUAH ORGANISASI MEMERLUKAN DASAR DAN PERUNDANGAN YANG JELAS DAN PADAT SEBAGAI PANDUAN AGAR PELAKSANAAN SISTEM TADBIR URUS YANG TERHASIL BERKUALITI DAN BERINTEGRITI. MAIDAM SENTIASA MEMPRAKTIKKAN PENGGUNAAN DASAR DAN UNDANG-UNDANG YANG BERKUAT KUASA AGAR PELAKSANAAN PROSEDUR KERJA MENGIKUT PERATURAN SEMASA.

## MELANGKAH KE HADAPAN

PELAN STRATEGIK (MAIDAM) 2023 - 2027 MERUPAKAN SATU DOKUMEN PENTING BAGI MENJADIKAN MAIDAM SEBAGAI INSTITUSI BAITULMAL YANG UNGGUL DAN BERWIBAWA. OLEH ITU, PELAN STRATEGIK INI AKAN DIJADIKAN RANGKA KERJA UTAMA PIHAK MAIDAM DALAM MEMASTIKAN HALA TUJU INSTITUSI INI SERTA MENINGKATKAN KEUPAYAAN TADBIR URUSNYA BAGI MENCAPAI VISI DAN MISI YANG TELAH DITETAPKAN.

PELAN STRATEGIK INI MENGARISKAN TIGA TERAS STRATEGIK UTAMA KE ARAH MENCAPAI MTLAMAT STRATEGIK UNTUK TEMPOH LIMA (5) TAHUN IAITU; MEMPERKASAKAN PENGURUSAN ZAKAT BAGI MENINGKATKAN SOSIOEKONOMI UMMAH, MEMPERKUKUH PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTA DAN PROJEK, DAN MENINGKATKAN KEBERKESANAN ORGANISASI MELALUI PENGUATUASAAN UNDANG-UNDANG, PENGUKUHAN TADBIR URUS DAN KOMUNIKASI STRATEGIK. KOMITMEN PENUH DAN KERJASAMA DARIPADA SEMUA WARGA MAIDAM AMAT DIPERLUKAN DALAM MEMASTIKAN PELAN STRATEGIK INI MENCAPAI MTLAMAT DAN OBJKTIF SEBAGAIMANA YANG DIRANCANG.

JUSTERU, DENGAN PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK INI, VISI, MISI DAN OBJKTIF MAIDAM UNTUK MENJADI SEBUAH INSTITUSI BAITULMAL YANG DINAMIK DAN PROGRESIF MELALUI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG MENEPATI SYARAK, AMANAH DAN BERPRESTASI TINGGI KE ARAH KESEJAHTERAAN MASYARAKAT ISLAM TERENGGANU DAPAT DIREALISASIKAN SUATU HARI NANTI.

## Sekalung Penghargaan

### Penaung

YB. DATO' HAJI SHAikh HARUN BIN SHAikh ISMAIL  
Yang Dipertua MAIDAM

### Penasihat

YBRS. PROF. MADYA DR. AHMAD AZRIN BIN ADNAN  
Ketua Pegawai Eksekutif

### Pengarah

PN. WAN NORAINA MARDIAH BINTI WAN CHIK  
Ketua Penolong Setiausaha (Khidmat Pengurusan)

### Ahli Jawatankuasa

EN. ABD. RAZAK BIN ABD. RAHMAN  
Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Mal)

EN. NAZLI AMIRRI BIN NGAH  
Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Zakat)

EN. MOHD JALIL BIN NGAH  
Ketua Penolong Setiausaha (Pembangunan Harta dan Projek)

TN. HAJI AHMAD NORDIN BIN ALIAS  
Penolong Kanan Setiausaha (Teknologi Maklumat)

PN. NORLIZA BINTI MUHD NOR  
Penolong Kanan Setiausaha (Kewangan)

EN. HISHAMILZA BIN ZAKARIA  
Penolong Kanan Setiausaha (Keurusetiaan)

TN. HAJI YAACOB BIN ABDULLAH  
Penolong Setiausaha (Agihan Zakat)

EN. W MOHD HELMI BIN WAN MOHD SAMSUDIN  
Penolong Setiausaha (Pembangunan Sumber Manusia)

DR. MOHD RIDZUAN BIN MOHAMAD  
Penolong Setiausaha (Wakaf dan Sumber Am)

PN. NUR HAFIZA BINTI ZAMRI  
Penolong Setiausaha (Pentadbiran dan Undang-undang)

PN. NURUL AIN BINTI NORDEEN  
Penolong Setiausaha (Pungutan dan Pentadbiran Zakat)

EN. MUHAMMAD ABDILLAH BIN TAJUDIN  
Penolong Setiausaha (Teknologi Maklumat)

YM. TENGKU HASNYDA BINTI TENGKU IBRAHIM  
Penolong Setiausaha (Pengurusan Harta)

### Penyelaras Bersama

EN. ABDUL HALIM LIM BIN ABDUL RAHMAN  
Penolong Setiausaha (Perhubungan Korporat)

EN. MUHAMAD SYARIF BIN OMER  
Penolong Setiausaha (Promosi)

### Urusetia

CIK NURUL SHAHIDA BINTI MOHD NASIR  
Penolong Pegawai (Perhubungan Korporat)

EN. ZULKIFLI BIN YUSOFF  
Pembantu Tadbir I (Perhubungan Korporat)

EN. AYUB HAFIZI BIN SULAINI  
Pembantu Tadbir II (Perhubungan Korporat)



**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM)**

Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman,  
Jalan Sultan Mohamad, 20519 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.  
Tel: 09-6303030 | Fax: 09-6248134 / 09-6247917 | Emel: [info@maidam.gov.my](mailto:info@maidam.gov.my)